

**DRAF TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN PERALATAN ELETRIK
TERPAKAI DAN PEMBUNGKUS POLISTERINA
RUANG LOBI, MPSP
PADA 26 JANUARI 2013 (SABTU)
JAM 10:00 PAGI**

Yang Dihormati En Soon Lip Chee

Ahli Majlis MPSP

Merangkap Pengerusi Pasukan Mesra Alam LA 21, MPSP

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Encik Gee Ching Chai

Naib Pengerusi Radio Traders Association of Penang

Ketua - ketua Jabatan

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera

Pertama sekali, saya ingin merakamkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan dalam program yang amat penting kepada kebaikan masyarakat serta Majlis Perbandaran Seberang Perai pada pagi ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Radio Traders Association of Penang yang memberi kerjasama dalam menyahut seruan MPSP dan Kerajaan Negeri untuk bersama-sama terlibat dalam program yang sebegini. Dengan kerjasama seperti ini, ia dapat membantu MPSP dalam menjaga kebersihan persekitaran di Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Isu pencemaran alam sekitar seharusnya tidak boleh dipandang remeh oleh generasi pada hari ini kerana bumi yang didiami kita pada hari ini semakin tenat dengan longgokan sisa-sisa domestik, sampah sarap dan pelepasan gas hijau ke udara. Bahan-bahan buangan yang sukar dilupuskan secara semulajadi sepatutnya tidak digunakan langsung.

Saya difahamkan melalui perbincangan antara Pasukan Kerja LA 21 yang diwakili oleh Ahli Majlis Encik Soon Lip Chee dengan Radio Traders Association of Penang telah bersetuju bahawa semua polisterina akan dikumpul oleh pekerja kedai elektrik selepas menghantar alat elektrik ke rumah pembeli.

Peralatan elektrik terpakai pula akan dibeli oleh syarikat TES-AMN yang diberi lesen oleh Jabatan Alam Sekitar untuk melupus sisa terjadual. Syarikat ini akan menjalankan pembelian di kedai-kedai elektrik mengikut jadual yang telah disediakan.

Polisterina yang dikumpul boleh dihantar ke pusat pengumpulan kitar semula seperti berikut ;

1. **Pusat Tzi Chi Kitar Semula**
Jalan Mohd Saad Butterworth
Puan Lim Mei Chin (012-4772223)

2. **Pusat Sumber Alam Sekitar SPU**
Taman Bagan Lalang, Butterworth
Encik Lim Chee Keong (019-4754248)

3. **Pusat Kitar Semula Taman Sri Rambai**
Taman Sri Rambai, Fasa 4, Bukit Mertajam
Encik Ch'ng Kheng Phong (012-4857789)

4. **Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Putri Gunung**
Taman Putri Gunung, Simpang Ampat
Encik Tan Chor Soon (019-4115347)

5. **Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tambun Indah**
Taman Tambun Indah, Bukit Tambun
Puan Lim Lee Ping (019-4222258)

6. **Pusat Kitar Semula Taman Keenways**

Taman Keenways, Bukit Mertajam
Encik Tan She Bah (012-4052873)

7. **Polywing Recycle Industry S/B**

Jalan Pengkalan, Bukit Tengah
Puan Susan Tan (016-4423989)

Program yang akan dilancarkan pada hari ini juga selaras dengan Fokus MPSP 2013 iaitu :

□ **Fokus 1 : Persekitaran Bersih**

Dibawah fokus ini, program-program yang akan dijalankan adalah seperti pendidikan kesihatan persekitaran dan taklimat berkenaan dengan kitar semula, pengasingan di punca, gotong-royong, ceramah dan lain-lain akan dijalankan.

□ **Fokus 2 : Mitigasi Banjir**

Dibawah fokus ini pula, indeks utama yang akan diberi perhatian ialah mengurangkan kejadian banjir yang disebabkan oleh pembangunan dan pembuangan sampah. Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah memberi taklimat kepada komuniti tentang kepentingan kitar semula untuk mengelakkan sampah sarap dibuang ke tempat yang tidak sepatutnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan komitmen penuh terhadap program ini dan saya menyeru kepada semua, marilah sama-sama kita berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan kita lebih berkualiti.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Program Pengumpulan Peralatan Elektrik Terpakai dan Pembungkus Polisterina.

Sekian, terima kasih.